

Headline	Tubuh majlis khas pantau pakej umrah		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	27 May 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	3	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	312 cm ²
Journalist	Syed Azwan Syed Ali	AdValue	RM 10,755
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,265



SUSULAN BH BONGKAR PENIPUAN UMRAH

Tubuh majlis khas pantau pakej umrah

» *Badan turut bincang penetapan harga minimum*

Oleh Syed Azwan Syed Ali

■ Kuala Lumpur

Kerajaan akan menubuhkan majlis khas bagi mengawal selia pengendalian umrah di negara ini, berikutan peningkatan kes penipuan sejak kebelakangan ini.

Perbincangan mengenai cadangan penubuhan majlis itu diadakan dalam mesyuarat khas di Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan semalam, dipengerusikan Setiausaha Bahagian Pelesenan Kementerian berkenaan, Kudratullah Fatimy Afandi.

Mesyuarat yang turut dihadiri wakil Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM), Tabung Haji, Persatuan Ejen-Ejen

Pelancongan dan Pengembangan Bumiputera Malaysia (BUMITRA) serta Persatuan Ejen-Ejen Pelancongan dan Pengembangan Malaysia (MATTA) turut membincangkan mengenai penetapan harga minimum pakej umrah.

Kes meningkat

BH menerusi laporan khasnya sejak 5 Mei lalu, mendedahkan

peningkatan kes penipuan umrah yang semakin kritikal, meningkat hampir 100 peratus kes tuntutan penipuan umrah difailkan tahun lalu iaitu 761 kes berbanding 381 kes pada tahun 2012.

Sumber industri berkata, cadangan penubuhan majlis khas bagi mengawal selia pengendalian pakej umrah itu akan dibawa kepada menteri untuk kelulusannya.

Katanya, butiran terperinci termasuk siapa yang akan menerajui atau ahli majlis kawal selia umrah akan diputuskan selepas itu.

Tangani penipuan

“Penubuhan majlis khas bagi mengawal selia pengendalian pakej umrah ini satu langkah positif kerajaan dalam menangani isu penipuan umrah,” kata sumber itu.

Akhbar ini melaporkan ramai mangsa diperdaya sindiket yang menawarkan pakej umrah serendah RM1,400, selain taktik licik memperalatkan imam, tokoh agama dan selebriti serta bergerak dari surau ke masjid untuk menipu mangsa.

Susulan laporan BH, banyak pihak termasuk BUMI-

TRA mencadangkan kerajaan menubuhkan badan khas mengawal selia pengendalian jemaah umrah yang melebihi 200,000 setiap tahun, selain mencadangkan penetapan harga minimum pakej dan lesen khas untuk syarikat pengendali umrah.

Sumber industri lain berkata, penetapan harga minimum bagi pakej umrah mungkin tertakluk kepada Akta Kawalan Harga dan Akta Anti-Pencatutan 2011.

“Mesyuarat khas (semalam) juga memutuskan mengenai pelaksanaan kempen kesedaran kepada orang ramai di semua peringkat dan di setiap negeri,” kata sumber itu.

“*Penubuhan majlis khas bagi mengawal selia pengendalian pakej umrah dalam menangani isu penipuan umrah*”

Sumber

Headline	Tubuh majlis khas pantau pakej umrah		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	27 May 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	3	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	312 cm ²
Journalist	Syed Azwan Syed Ali	AdValue	RM 10,755
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,265

**KAWAL UMRAH
MACAM HAJI**

// BUMITRA syor adakan badan khusus seperti Tabung Haji, kawal urusan ibadah umrah berikutan jumlah jemaah kini mencecah 200,000 orang setahun

// Tetapkan harga minimum pakej umrah bagi mengelak bakal jemaah terperangkap dengan tawaran harga murah serendah RM1,400

// Sifatkan isu penipuan pakej umrah kritikal, syarikat pengendali perlu diwajibkan mengambil lesen khas

BERITA MUKA 6

...tirut jadi mangsa penipuan sindiket pakej umrah • NASIONAL 6